

Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Prinsip Perakaunan Tingkatan 4

MATA PELAJARAN	Prinsip Perakaunan Tingkatan 4	KELAS:		
TARIKH/HARI/MASA				
TAJUK	Pengenalan kepada Perakaunan			
STANDARD KANDUNGAN	1.1 Perakaunan, sub bidang perakaunan, kerjaya dan badan profesional			
STANDARD PEMBELAJARAN	1.1.14 Menerangkan latar belakang badan-badan profesional perakaunan di Malaysia. 1.1.15 Menerangkan peranan utama Badan Kawal Selia: (i) Institut Akauntan Malaysia (ii) Badan Penggubal Piawaian (iii) Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (iv) Badan Profesional			
OBJEKTIF PEMBELAJARAN/ KRITERIA KEJAYAAN	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan latar belakang badan-badan profesional perakaunan di Malaysia • Menerangkan peranan utama Badan Kawal Selia 			
BAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Buku Teks Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 • Slaid PowerPoint PdPc Interaktif Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 • PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 			
MASA	AKTIVITI PdPc			
10 minit	<ul style="list-style-type: none"> • Guru berbincang dengan murid tentang laluan kerjaya sebagai akauntan. 			
40 minit	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai empat orang ahli. 2. Setiap kumpulan di beri satu badan profesional perakaunan seperti MIA, MICPA, CIMA, ACCA dan lain-lain. 3. Murid secara berpasangan mencari maklumat yang berkaitan laluan kerjaya sebagai akauntan daripada badan profesional perakaunan tersebut di atas talian. 4. Dalam kumpulan, murid membincangkan maklumat yang berkaitan laluan kerjaya sebagai akauntan daripada badan profesional perakaunan tersebut. 5. Murid membina peta i-THINK untuk menunjukkan laluan kerjaya sebagai akauntan daripada badan profesional perakaunan tersebut. 6. Setiap kumpulan mempersembahkan hasil perbincangan di dalam kelas. 7. Peta i-THINK ditampal di dalam kelas untuk diteliti oleh ahli kumpulan lain. 			
10 minit	<p>Rumusan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat beberapa badan profesional perakaunan di Malaysia yang berfungsi untuk memastikan sistem perakaunan di Malaysia dapat dijalankan dengan sistematik dan lancar. • Setiap agensi atau badan menggariskan laluan kepada kerjaya yang berjaya dalam perakaunan. 			
PENTAKSIRAN				
PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 4, muka surat 6				

Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Prinsip Perakaunan Tingkatan 4

MATA PELAJARAN	Prinsip Perakaunan Tingkatan 4	KELAS:		
TARIKH/HARI/MASA				
TAJUK	Pengenalan kepada Perakaunan			
STANDARD KANDUNGAN	1.2 Sejarah perakaunan dan perkembangannya			
STANDARD PEMBELAJARAN	<p>1.2.1 Menerangkan sejarah perakaunan mengikut urutan bermula dari era Babylonia sehingga masa kini.</p> <p>1.2.2 Menerangkan perkembangan proses perakaunan secara manual dan berkomputer.</p> <p>1.2.3 Menerangkan perisian perakaunan berkomputer yang diguna pakai pada masa kini.</p> <p>1.2.4 Menerangkan kepentingan sistem maklumat perakaunan kepada entiti perniagaan.</p>			
OBJEKTIF PEMBELAJARAN/ KRITERIA KEJAYAAN	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan sejarah perakaunan mengikut urutan • Menerangkan perkembangan proses perakaunan • Menerangkan perisian perakaunan berkomputer yang terkini • Menerangkan kepentingan sistem maklumat perakaunan 			
BAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Buku Teks Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 • Slaid PowerPoint PdPc Interaktif Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 • PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 			
MASA	AKTIVITI PdPc			
15 minit	<p>1. Guru berbincang dengan murid tentang sejarah perakaunan dan perkembangannya</p>			
35 minit	<p>1. Guru menulis setiap tajuk berikut dalam sekeping kertas dan letakkanya ke dalam satu kotak.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sejarah perakaunan mengikut urutan • Perkembangan proses perakaunan • Perisian perakaunan berkomputer yang terkini • Kepentingan sistem maklumat perakaunan <p>2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai empat orang ahli.</p> <p>3. Setiap kumpulan mencabut satu tajuk dari kotak yang disediakan oleh guru.</p> <p>4. Murid menghasilkan peta minda yang menggambarkan tajuk yang dipilih.</p> <p>5. Setiap kumpulan mempersembahkan hasil perbincangan di dalam kelas.</p> <p>6. Hasil kerja kumpulan ditampal di dalam kelas untuk dilihat oleh kumpulan lain.</p>			
10 minit	<p>Rumusan Guru merumuskan pembentangan setiap kumpulan dan memastikan ketepatan penghasilan setiap kumpulan.</p>			
PENTAKSIRAN				
PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 4, muka surat 7				

Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Prinsip Perakaunan Tingkatan 4

MATA PELAJARAN	Prinsip Perakaunan Tingkatan 4	KELAS:		
TARIKH/HARI/MASA				
TAJUK	Pengenalan kepada Perakaunan			
STANDARD KANDUNGAN	1.3 Penyata Kewangan			
STANDARD PEMBELAJARAN	<p>1.3.1 Menyenaraikan jenis penyata yang terdapat dalam Penyata Kewangan.</p> <p>1.3.3 Mencari Penyata Kewangan dari pelbagai sumber dan membanding beza item-item dalam komponen serta kegunaannya.</p>			
OBJEKTIF PEMBELAJARAN/ KRITERIA KEJAYAAN	<p>Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyenaraikan jenis penyata yang terdapat dalam Penyata Kewangan • Mencari Penyata Kewangan dari pelbagai sumber dan membanding beza item-item dalam komponen serta kegunaannya 			
BAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Buku Teks Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 • Slaid PowerPoint PdPc Interaktif Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 • PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 			
MASA	AKTIVITI PdPc			
15 minit	<ul style="list-style-type: none"> • Guru berbincang dengan murid tentang komponen penyata kewangan serta kegunaannya. 			
35 minit	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai empat orang ahli. 2. Setiap kumpulan perlu mencari penyata kewangan dua buah syarikat di atas talian. 3. Dalam kumpulan, murid membincangkan item-item dalam komponen penyata kewangan serta kegunaannya. 4. Murid membina peta minda untuk menunjukkan item-item komponen penyata kewangan serta kegunaannya. 5. Setiap kumpulan mempersembahkan hasil perbincangan di dalam kelas. 6. Peta minda ditampal di dalam kelas untuk dilihat oleh kumpulan lain. 			
10 minit	<p>Rumusan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyata kewangan terdiri daripada Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan. • Penyata Pendapatan digunakan untuk menentukan keuntungan atau kerugian perniagaan dalam tempoh kewangan yang tertentu. Komponen utama dalam Penyata Pendapatan adalah hasil dan belanja. • Penyata Kedudukan Kewangan digunakan untuk memastikan kedudukan kewangan sesuatu perniagaan pada tarikh tertentu. Komponen utama dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik. 			
PENTAKSIRAN				
PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 4, muka surat 17				

Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Prinsip Perakaunan Tingkatan 4

MATA PELAJARAN	Prinsip Perakaunan Tingkatan 4	KELAS:
TARIKH/HARI/MASA		
TAJUK	Pengenalan kepada Perakaunan	
STANDARD KANDUNGAN	1.4 Andaian, Prinsip dan Batasan dalam Perakaunan	
STANDARD PEMBELAJARAN	<p>1.4.1 Menyenaraikan dan menerangkan Andaian dalam perakaunan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Entiti Berasingan (ii) Usaha Berterusan (iii) Tempoh Perakaunan (iv) Wang Sebagai Ukuran <p>1.4.2 Menyenaraikan dan menerangkan Prinsip dalam perakaunan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Ketekalan (ii) Prinsip Kos (iii) Pengiktirafan Hasil dan Belanja <p>1.4.3 Menerangkan Batasan dalam perakaunan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kos Manfaat <p>1.4.4 Menentukan Andaian, Prinsip dan Batasan dalam perakaunan yang dapat dikaitkan dengan sesuatu kes</p>	
OBJEKTIF PEMBELAJARAN/ KRITERIA KEJAYAAN	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan andaian dalam perakaunan • Menerangkan prinsip dalam perakaunan • Menerangkan batasan dalam perakaunan • Menentukan andaian, prinsip dan batasan dalam perakaunan yang dapat dikaitkan dengan sesuatu kes 	
BAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Buku Teks Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 • Slaid PowerPoint PdPc Interaktif Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 • PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 	
MASA	AKTIVITI PdPc	
15 minit	Guru mengulangkaji konsep Andaian, Prinsip dan Batasan perakaunan dengan murid dalam kelas.	
35 minit	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai tiga orang ahli. 2. Setiap kumpulan diberikan satu sampul yang mengandungi beberapa situasi perniagaan yang disediakan oleh guru. 3. Setiap ahli mempunyai peranan yang perlu dimainkan secara persendirian. Murid 1: Cabut satu kertas dari kotak dan baca situasi. Murid 2: Menentukan samada situasi itu merupakan andaian, prinsip atau batasan perakaunan. Murid 3: Menjustifikasi jawapan yang diberi oleh Murid 2. 4. Murid lain akan mengambil dan membaca situasi yang seterusnya. Proses ini diulangi sehingga tiada kertas dalam kotak. 5. Guru menyemak jawapan murid dan memastikan samada jawapan betul atau salah. 	

Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Prinsip Perakaunan Tingkatan 4

10 minit	<p>Rumusan</p> <ul style="list-style-type: none">• Andaian dan prinsip perakaunan merupakan asas kepada perakaunan. Organisasi perniagaan menggunakan andaian dan prinsip perakaunan tersebut menyediakan penyata kewangan.• Andaian dalam perakaunan terdiri daripada entiti berasingan, usaha berterusan tempoh perakaunan dan wang sebagai ukuran.• Prinsip dalam perakaunan terdiri daripada ketekalan, prinsip kos dan pengiktirafan hasil dan belanja.• Batasan terdiri daripada kos manfaat.
PENTAKSIRAN	
PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 4, muka surat 11 - 12	

Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Prinsip Perakaunan Tingkatan 4

MATA PELAJARAN	Prinsip Perakaunan Tingkatan 4	KELAS:
TARIKH/HARI/MASA		
TAJUK	Pengenalan kepada Perakaunan	
STANDARD KANDUNGAN	1.5 Entiti perniagaan	
STANDARD PEMBELAJARAN	1.5.1 Menyenaraikan ciri-ciri perniagaan Milikan Tunggal, Perkongsian, Syarikat Berhad dan Koperasi. 1.5.2 Membanding beza ciri-ciri setiap entiti perniagaan dari segi milikan, sumber modal dan liabiliti.	
OBJEKTIF PEMBELAJARAN/ KRITERIA KEJAYAAN	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat <ul style="list-style-type: none"> • Menyenaraikan ciri-ciri perniagaan milikan tunggal, perkongsian, syarikat berhad dan koperasi • Membanding beza ciri-ciri setiap entiti perniagaan dari segi milikan, sumber modal dan liabiliti 	
BAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Buku Teks Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 • Slaid PowerPoint PdPc Interaktif Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 • PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 	
MASA	AKTIVITI PdPc	
15 minit	<ul style="list-style-type: none"> • Guru berbincang dengan murid tentang jenis perniagaan yang terdapat di Malaysia. 	
35 minit	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai empat orang ahli. 2. Murid menghasilkan peta minda yang membanding beza ciri-ciri setiap entiti perniagaan. 3. Setiap kumpulan menentukan satu entiti perniagaan yang ingin dibentuk dan sediakan satu folio bergambar tentang entiti perniagaan tersebut. 4. Setiap kumpulan mempersembahkan hasil perbincangan di dalam kelas. 5. Hasil kerja kumpulan ditampilkan di dalam kelas untuk dilihat oleh kumpulan lain. 	
10 minit	Rumusan <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat beberapa jenis entiti perniagaan yang berbeza dari segi pemilikan, jenis modal, cara pengurusan, cara pembahagian keuntungan dan sebagainya. • Guru menggunakan jadual yang disediakan dalam PowerPoint untuk merumuskan ciri-ciri setiap entiti perniagaan. 	
PENTAKSIRAN		
PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 4, muka surat 13 - 14		